

Wanita Jepun hadap hukuman mati mandatori

Dituduh edar 3.49kg methamphetamine di KLIA tahun lalu

Sinar Harian 31/05/2010 MIS 115

SALWA SHA'ARI

SHAH ALAM - Seorang wanita Jepun berhadapan hukuman mati mandatori atas tuduhan mengedar dadah di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), hujung tahun lalu.

Mariko Takeuchi, 36, bekas jururawat dari Tokyo, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di Mahkamah Tinggi di sini, semalam.

Pertuduhan dibacakan dalam bahasa Jepun oleh jurubahasa, Safril Riza Samsuri.

Mariko didakwa mengedar 3.49 kilogram methamphetamine pada jam 9.55 malam, 30 Oktober lalu di



● Mariko (kanan) didakwa edar 3.49kg dadah di KLIA.

Kaunter Pemeriksaan Kastam D, Unit Khas Penumpang 1, Balai Ketibaan Antarabangsa, KLIA, Sepang, dekat sini.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Gan Peng Kun dan Aimmie Yusreena Yunus mengi-

kut Seksyen 39B (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Seksyen itu memperlakukan hukuman di bawah Seksyen 39B (2), iaitu hukuman mati jika sabit kesalahan.

Tertuduh diwakili peguam Datuk Salehuddin Saidin, Imran Hadzaliq Abdul Hamid dan Bakhtiar Hamdan.

Hakim Datuk Siti Mariah Ahmad menetapkan 9 hingga 13 Ogos ini sebagai tarikh perbicaraan selepas dimaklumkan pendakwaan akan mengemukakan 10 saksi.

Mariah juga mengarahkan pendakwaan membekalkan dokumen berkaitan kepada peguam tertuduh sebelum tarikh perbicaraan.